

25/09/2004

Dr Mahathir terima anugerah FPAD

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, menerima Anugerah Kecemerlangan Persekutuan Hartanah Antarabangsa (FPAD) sebagai penghargaan kepada sumbangan beliau selama 22 tahun terhadap pembangunan nusa dan bangsa.

Anugerah itu disampaikan Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail, selaku tetamu kehormat dalam majlis makan malam tahunan anjuran Persekutuan Hartanah Antarabangsa (FIABCI) di sini semalam.

Hadir sama, Raja Permaisuri Agong, Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid; isteri Dr Mahathir, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Dompok; Presiden FIABCI, Datuk Teo Chiang Kok dan bekas Presiden FIABCI, Kumar Tharmalingam.

FPAD kali ini turut menyaksikan sembilan kategori penganugerahan, termasuk dalam pembangunan hotel yang dimenangi Putrajaya Marriot, pembangunan pusat peranginan (Cyberview Lodge and Resort Spa) dan pembangunan ruang pejabat (Menara Telekom).

Kategori seterusnya iaitu pembangunan perumahan dimenangi Bandar Laguna Merbok, pembangunan bangunan peruncitan (IKEA Damansara), pelan induk pembangunan (Pelan Induk Presint 11, Putrajaya), sumbangan kebangsaan (Pusat Pentadbiran Putrajaya), projek khas (The British Council Malaysia) dan tokoh hartanah 2004 yang dimenangi Pengerusi Berjaya Group Bhd, Tan Sri Vincent Tan Chee Yioun.

Dr Mahathir berkata beliau terharu dengan penghormatan yang diberikan dan berpendapat semua pembangunan infrastruktur negara yang dirancang kerajaan tidak mungkin dilaksanakan tanpa kerjasama padu serta pembiayaan sektor swasta.

"Saya gembira dan berterima kasih kerana semua cadangan serta permintaan kepada sektor swasta untuk memajukan sesuatu projek jarang dihampakan sepanjang 22 tahun saya menjadi Perdana Menteri.

"Walaupun pada mulanya ada yang merungut apabila diminta, mereka masih menyempurnakan pembinaan sesuatu projek dan akhirnya mereka juga mendapat manfaat hasil daripada dasar kerajaan yang jelas lagi teratur dalam merencana pembangunan negara," katanya.

(END)